

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Laporan Majlis Penasihat Kerajaan yang diserahkan kepada Perdana Menteri ke-7 sebelum ini dan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membentangkan laporan tersebut ke Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council Of Eminent Persons* (CEP) telah diumumkan penubuhannya pada 12 Mei 2018 oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan mereka telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018. Matlamat utama penubuhan Majlis ini adalah untuk menasihatkan Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian mengikut keadaan semasa ketika itu.

2. CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat yang tidak mempunyai kuasa atau peruntukan di bawah Perlembagaan ataupun undang-undang negara. Ini bermakna, Kerajaan sama sekali tidak terikat untuk menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh CEP.

3. Pada masa ini, Kerajaan telahpun mempunyai perancangan tersendiri untuk pelan pemulihan ekonomi negara melalui Rancangan Malaysia Ke-12 yang berteraskan semangat Keluarga Malaysia. Justeru, Kerajaan tidak berhasrat membentangkan laporan CEP tersebut ke Parlimen.

Sekian, terima kasih.